

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [BANGI]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bila pembinaan Sekolah Rendah Taman Sutera, Kajang, akan bermula memandangkan projek ini telah ditangguhkan beberapa kali akibat daripada masalah kontraktor. Adakah kontraktor baru telah dilantik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Pembinaan Sekolah Kebangsaan Taman Sutera, Kajang, Selangor telah diluluskan dalam *Rolling Plan 2* (Tahun 2012) Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10). Skop projek ini meliputi pembinaan baharu 24 bilik darjah dan lain-lain kemudahan berkaitan, dengan kos projek berjumlah RM22 juta. Projek ini adalah di bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia dan sedang berada di dalam fasa pembinaan.

Tapak projek ini merupakan tapak serahan pemaju yang berkeluasan 5.88 ekar. Kontraktor projek telah dilantik pada 10 Oktober 2012 dan tarikh masuk tapak adalah pada 24 Oktober 2012. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini tidak dapat diteruskan kerana terdapat peningkatan kos berikutan pelaksanaan kerja-kerja pelarasan tanah akibat daripada pembuangan sisa binaan pemaju di tapak projek. Perubahan rekabentuk kerja-kerja tanah turut memerlukan kelulusan semula Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan melibatkan peningkatan kos projek yang tinggi. Sehubungan ini, Tarikh Milik Tapak Asal telah

NO. SOALAN : 16

dipinda ke 30 Januari 2014 dan Kebenaran Merancang (KM) telah tamat pada 5 Jun 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa sesi perbincangan telah diadakan berkaitan isu perubahan skop tanah dan persetujuan kos tambahan yang terlibat sepanjang tahun 2015 dan 2016. Namun, pada 27 Jun 2016, kontrak bagi kontraktor yang dilantik telah ditamatkan secara bersama (*mutual termination*) disebabkan tiada persetujuan berhubung pertambahan kos projek yang terlalu tinggi dan tidak munasabah. Kemajuan terakhir kerja-kerja di tapak semasa penamatan adalah sebanyak 3%, iaitu melibatkan kerja-kerja ukur tanah.

Terkini, pihak perunding sedang dalam proses untuk memenuhi syarat untuk mendapatkan kelulusan semula Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan daripada pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ). Dalam masa yang sama, KPM sedang memperhalusi semula kos projek dengan mengambil kira kos pertambahan kerja-kerja tanah dan kos perubahan semasa. Kontraktor baharu dijangka akan dilantik semula pada Mac 2021 dan pembinaan sekolah ini akan mula dilaksanakan pada Jun 2021.

Sekian, terima kasih.